

News: Utusan Borneo  
Date: 25 June 2010  
Subject: Research  
Language: Malay  
Page: A7

# Kem Pendidikan Hutan didik pelajar

SANDAKAN: Kira-kira 50 pelajar Tingkatan 6 beserta guru pengiring dari sekolah menengah sekitar daerah ini menyertai program Kem Pendidikan Hutan selama tiga hari, dua malam bermula 16 hingga 18 Jun lalu.

Program ini merupakan anjuran Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Unit Sains & Teknologi, Jabatan Ketua Menteri dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Sabah serta Jabatan Pelajaran Sandakan.

Lawatan sambil berlajar ke Pusat Penyelidikan Perhutanan Sandakan, Rainforest Discovery Center dan Pusat Rehabilitasi Orang Utan Sepilok adalah antara aktiviti yang telah dijalankan sepanjang kem tersebut.

Antara pengisian program adalah ceramah daripada wakil Pusat Biodiversiti Sabah, Jabatan Perhutanan Sabah, ceramah Inovasi Produk Kayu dan sesi motivasi oleh Prof. Madya Dr. Mahmud Haji Sudin serta pelbagai aktiviti lain yang telah diatur.

Objektif utama kem tersebut adalah untuk memberikan pendidikan dan pendedahan lanjut kepada para peserta tentang hutan dan ekosistemnya, serta pemahaman mengenai bidang-bidang yang berkaitan dengan disiplin perhutanan berjaya dicapai.

Kem Pendidikan Hutan 2010 telah disempurnakan penutupannya pada 18 Jun di Rainforest Discovery Center oleh Timbalan Pengarah Perhutanan (Penyelidikan & Pembangunan, Dr. Lee Ying Fah,

mewakili Pengarah Perhutanan Sabah, Datuk Sam Mannan.

Berucap dimajlis itu, Dr Lee berpendapat program seumpama ini amat perlu bagi meningkatkan pemahaman dan pengetahuan para generasi muda akan betapa pentingnya sumber khazanah hutan yang telah dianugerahkan kepada bumi Sabah.

"Justeru program seumpama ini harus diadakan dari masa ke semasa dan diperluaskan ke daerah-daerah lain di Sabah agar lebih ramai menerima manfaatnya.

Kerjasama erat pelbagai agensi memikul tanggungjawab dan memainkan peranan dalam mendidik para belia di Sabah seperti yang ditunjukkan dalam program ini seharusnya diteruskan dan dijadikan budaya," katanya.

Antara yang hadir pada majlis penutupan Dekan Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa, UMS , Prof. Madya Dr. Mahmud Hj. Sudin dan Timbalan Pengarah Unit Sains & Teknologi, Jabatan Ketua Menteri, Abdul Hamid Hj. Harun.



Bergambar beramai-ramai selepas sesi lawatan di RDC.

Berkongsi hasil pengalaman lawatan di RDC melalui lukisan.